

KHUTBAH JUMAAT

“BERSAMA KE ARAH KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN” (21 Julai 2023M/ 03 Muharam 1444H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَعَثَ خَيْرَ نَبِيٍّ أُرْسِلَ لِلأَنَامِ، وَأَنْزَلَ مَعَهُ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَبُرْهَانًا لِلْأَوْهَامِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : ‘*Bersama Ke Arah Kemajuan dan Kemakmuran*’.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Hari Sarawak yang disambut pada 22 Julai pada setiap tahun adalah hari yang amat bersejarah bagi seluruh rakyat di negeri Sarawak. Pada tahun ini, sambutannya menjadi lebih bermakna sempena sambutan 60 Tahun Sarawak Merdeka. Mengimbau sepantas lalu lembaran sejarah, kita dapati bahawa Sarawak pernah berada di bawah pemerintahan Sultan Brunei sejak tahun 1599 hingga tahun 1842. Diikuti kemudiannya dengan pentadbiran Brooke dari tahun 1842 hingga tercetusnya Perang Dunia Kedua.

Selepas berakhirnya pendudukan Jepun pada tahun 1945, maka Sarawak berada di bawah pemerintahan Koloni British. Pada tarikh 22 Julai 1963, pemerintah British telah menyerahkan pentadbiran Sarawak untuk diurus sendiri oleh rakyat Sarawak. Pada 16 September 1963, Sarawak mencapai kemerdekaan yang sepenuhnya, apabila bergabung dengan Borneo Utara (Sabah) dan Persekutuan Tanah Melayu bagi membentuk Persekutuan Malaysia.

Justeru, menjadi satu kewajipan ke atas kita semua untuk mensyukuri nikmat kemerdekaan ini dan menghargai segala jasa dan pengorbanan para pejuang kemerdekaan negeri dan negara. Malah, amat penting bagi kita sebagai generasi pada masa kini dan generasi yang mewarisi kita kelak untuk mengetahui dan mengambil iktibar daripada lembaran sejarah yang telah ditempa oleh nenek moyang kita dalam usaha mereka memperolehi kemerdekaan yang kita nikmati ini.

Pada masa yang sama, kita perlu menghargai segala jasa barisan pemimpin kita yang terdahulu yang telah menyediakan asas yang kukuh bagi segala kemakmuran, pembangunan dan kehamorniaan yang kita semua nikmati pada hari ini. Segala sumbangan, perjuangan dan jasa mereka itu merupakan satu legasi yang seharusnya dihargai, dipertahankan dan disambung oleh setiap lapisan masyarakat di Bumi Darul Hana ini.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Para ulama telah menjelaskan bahawa antara tanggungjawab pemerintah ialah merancang dan melaksanakan segala perkara yang boleh mendatangkan kebaikan kepada rakyat. Ini selaras dengan satu kaedah fiqh yang berbunyi :

((تَصْرُفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعْيَةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصْلَحةِ))

Maksudnya : *Tindakan pemimpin terhadap rakyat adalah berdasarkan maslahah.*

Selaras dengan gesaan ini, maka Sarawak telah mengorak langkah dan sedang giat bergerak ke arah mencapai wawasan menjadi sebuah wilayah yang berkembang maju, didorong oleh data dan inovasi, hingga semua rakyatnya akan menikmati kemakmuran ekonomi, keterangkuman sosial dan persekitaran yang mampan menjelang tahun 2030.

Berkaitan dengan hal ini juga, Kerajaan Sarawak telah melaksanakan Strategi Pembangunan Pasca Covid-19 (PCDS) 2023

yang menjurus kepada pembangunan teknologi, inovasi, ekonomi hijau dan biru serta lain-lain sektor ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat Sarawak.

Sehubungan dengan itu, maka wajar bagi umat Islam di Sarawak ini untuk turut serta menyumbang ke arah kemajuan dan kemakmuran Sarawak dengan meningkatkan produktiviti, sentiasa berdaya saing dan pada masa yang sama, mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan berdaya tahan yang akan kekal untuk generasi akan datang.

Bagi membantu merealisasikan wawasan ini menjelang tahun 2030, maka umat Islam perlu memiliki kekuatan. Antara kekuatan yang perlu ada ialah :

Pertama, pengukuhan aqidah, ibadah dan akhlak.

Sesungguhnya, akidah adalah aspek yang menjadi asas benteng kekuatan diri, keluarga dan masyarakat dalam menempuh cabaran-cabaran yang mendatang. Akidah yang mantap akan melahirkan amal kebaikan yang diamalkan secara sempurna, menyeluruh dan berterusan. Amal ibadah ini seterusnya dihayati dalam kehidupan sebenar dengan menterjemahkan akhlak yang mulia melalui nilai-nilai taqwa, ikhlas, amanah, bertanggungjawab, jujur dan sebagainya. Nilai-nilai yang terhasil dari ibadah-ibadah ini akan membentuk individu, keluarga dan masyarakat yang cintakan agama, bangsa dan negara.

Kedua, penjagaan perpaduan dan silaturrahim, berbaik sangka dan muhibbah sesama manusia. Islam menitikberatkan hubungan dan persaudaraan sesama manusia terutama sesama Islam untuk mencapai kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat. Keharmonian yang kita warisi kini tidak akan dapat dipertahankan seandainya kita berpecah-belah dan tidak bersatu hati.

Oleh itu, memupuk persefahaman dan amalan berbaik-baik sesama semua manusia adalah tanggungjawab umat Islam dalam mengekalkan ciri-ciri keamanan, kestabilan dan kemajuan di dalam negeri dan negara yang merdeka. Ingatlah, '*bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat*', '*bersatu kita teguh, bercerai kita roboh*'.

Ketiga, Pencapaian tahap pendidikan, penguasaan ilmu dan kemahiran serta teknologi yang paling terkini. Apabila kita meneliti dan berfikir tentang catatan sejarah, kita akan mendapati bahawa kejahilan adalah punca utama sesuatu bangsa itu mudah dikuasai dan dijajah. Tanpa ilmu, sesuatu masyarakat itu akan mudah ditundukkan, dan dipaksa menurut kehendak mereka yang berilmu.

Justeru, umat Islam perlu mempertingkatkan keupayaan diri dengan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mantap dan menyeluruh, khususnya dalam ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah, memiliki iman dan taqwa yang teguh, melaksanakan ibadah dengan sempurna, mempunyai peribadi yang mulia dan jati diri yang kukuh agar mampu bersaing dan dihormati oleh bangsa lain di sekelilingnya dan di dunia.

Umat Islam perlu berusaha keras dan berterusan agar dapat kembali menjadi peneraju dalam segala disiplin keilmuan dan kemahiran seperti yang pernah disaksikan pada era, atau zaman kegemilangan Islam suatu ketika dahulu. Hari ini umat Islam perlu menjadi pencipta yang inovatif dan kreatif dan bukannya hanya berpuas hati sebagai pengguna pelbagai ciptaan orang lain.

Sebagai umat yang terbaik, umat Islam sewajarnya lebih berperanan sebagai penggerak utama dalam pembangunan dan kemajuan tamadun manusia sejagat. Oleh sebab itu, kita semua, terutamanya para belia Islam, hendaklah bersiap sedia dengan menimba ilmu dan kemahiran dengan secukup-cukupnya dan seluas-luasnya agar umat Islam dapat maju dan menjadi penyumbang, bukan sekadar penumpang kepada kemajuan yang akan dikecapi.

Sidang Jumaat yang dirahmati,

Bagi mengakhiri khutbah, khatib ingin menegaskan bahawa setiap daripada kita berperanan untuk menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran Sarawak. Matlamat ini mampu dicapai dengan kekuatan aqidah, penghayatan syariat Islam, keunggulan akhlak, keteguhan perpaduan, penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran, dan kesungguhan ikhtiar yang berterusan. Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-An'am, ayat 165 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .
 وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ
 لِيَبْلُوْكُمْ فِي مَا ءَاتَيْتُكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya : *Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
 وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
 هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
 وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Kita hendaklah sentiasa melakukan kawalan kendiri dengan sebaikbaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit. Teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan Negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَعِيدٌ.

وَارْضِي اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِيهِ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَبِاً قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami

nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عِبَادَ اللَّهِ.
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.